

## POLISI ANTI-RASUAH DAN ANTI-KORUPSI

Johor Plantations Group Berhad (JPG) komited untuk mengamalkan Polisi Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi serta menjalankan aktiviti dan urus niaga dengan piawaian etika tertinggi bagi memastikan sebarang kemungkinan berlakunya rasuah dapat ditangani dengan cekap dan berkesan.

- Polisi ini terpakai kepada semua anggota pekerja JPG dan pihak berkepentingan yang terlibat dalam sebarang urusan dengan JPG. Polisi ini menggariskan kerangka kerja yang digunakan untuk menentukan kedudukan, penilaian, dan mencapai objektif Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi iaitu mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas rasuah.
- JPG komited untuk mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan mana-mana undang-undang anti-rasuah dan anti-korupsi yang berkaitan.
- Lembaga Pengarah dan Pengurusan JPG komited untuk melaksanakan semua polisi dan prosedur untuk mencegah sebarang bentuk rasuah serta melaksanakan penambahbaikan secara berterusan melalui Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (MS ISO 37001:2016).
- Melalui Polisi Pemberi Maklumat, JPG sentiasa memberi peluang kepada semua anggota pekerja dan pihak berkepentingan untuk mendedahkan dan melaporkan sebarang bentuk amalan rasuah.
- Unit Integriti JPG diberi tanggungjawab untuk memantau dan memastikan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah dilaksanakan dan melaporkan secara langsung kepada Lembaga Pengarah untuk penilaian dan penambahbaikan kepada sistem.
- Tindakan sewajarnya akan diambil terhadap mana-mana pekerja JPG yang gagal mematuhi Polisi Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi ini.